



TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA:

PROFESOR EMERITUS DATUK DR HAJAH NIK SAFIAH BT ABDUL KARIM
BERKENAAN USAHA DAN SUMBANGAN BELIAU DALAM
MEMARTABATKAN BAHASA MELAYU

DISEDIAKAN OLEH:

FARAH IDAYU BINTI RUMALAN
NOR AZRIANI BINTI MAMAT @ AZMI

PROJEK DIMAJUKAN KEPADA:

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA,
JOHOR KAMPUS SEGAMAT BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR604 – DOCUMENTING ORAL HISTORY

SEMESTER 5 (SEPTEMBER 2013 – JANUARY 2015)

1.0 ABSTRAK

Abstrak: *Transkrip ini mengandungi wawancara bersama Profesor Emeritus Datuk Dr. Hajah Nik Safiah Bt Abdul Karim mengenai usaha dan sumbangan beliau dalam memartabatkan Bahasa Melayu. Transkrip wawancara ini dijalankan di kediaman beliau di Lot 2885, Jalan 6/71B, Jalan Pinggir, Taman Tun Dr. Ismail, Kuala Lumpur, Malaysia. Wawancara ini bermula pada jam 3.30 petang dan berakhir pada jam 6.30 petang pada hari yang sama. Beliau merupakan salah seorang Tokoh Bahasa yang berpengalaman luas, berdedikasi dalam memartabatkan Bahasa Melayu ekoran dari pelbagai usaha dan sumbangan yang telah beliau lakukan di dalam negara mahupun luar negeri. Transkrip ini menyentuh serba sedikit tentang latar belakang beliau, penglibatan awal beliau dalam organisasi-organisasi dalam dan luar Malaysia, pengalaman beliau sepanjang penglibatan beliau serta usaha dan sumbangan beliau dalam memartabatkan Bahasa Melayu. Beliau turut menceritakan bagaimana beliau boleh berkecimpung dalam bidang sastera ataupun lebih terperinci di dalam bidang penulisan. Beliau juga menerangkan tentang hasil-hasil penulisan beliau sendiri yang diiktiraf mahupun tidak diiktiraf dan banyak lagi.*

2.0 SINGKATAN KATA

NO	SINGKATAN	MAKSUD
1	PROF	Profesor
2	UM	Universiti Malaya
3	UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
4	DBP	Dewan Bahasa Dan Pustaka
5	MGC	Malay Girls College
6	KMN	Kesatria Mangku Negara
7	JMN	Johan Mangku Negara
8	PJN	Pingat Jasa Negara
9	MA	Masters
10	PhD	Doctor of Philosophy/Doktor Falsafah
11	MABBIM	Majlis Bahasa Brunei Darussalam – Indonesia - Malaysia
12	NGO	Non Government Organization
13	UMNO	United Malay Nation Organization
14	UITM	Universiti Teknologi MARA
15	MRT	Metro Railway Station
16	PPSMI	Pengajaran Dan Pembelajaran Sains dan Matematik Dalam Bahasa Inggeris
18	PCB	Pantai Cahaya Bulan
19	SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
20	STPM	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia
21	IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam

4.0 PENGENALAN

4.1 Objektif kajian

- Untuk menambah ilmu pengetahuan tentang usaha dan sumbangan Profesor Emeritus Datuk Dr. Hajah Nik Safiah Bt Abdul Karim dalam memartabatkan Bahasa Melayu.
- Untuk mendapatkan gambaran sebenar tentang peranan seorang Pakar Bahasa dalam memertabatkan Bahasa Melayu ke peringkat antarabangsa
- Untuk membantu mengubah persepsi masyarakat bahawa Bahasa Melayu kini sudah tidak perlu lagi diperjuangkan
- Untuk memberi kesedaran terhadap rakyat Malaysia terutamanya bangsa Melayu sendiri tentang kepentingan Bahasa Melayu dalam pembangunan negara.
- Untuk mengetahui lebih lanjut tentang perkembangan Bahasa Melayu

4.2 Kaedah kajian

Kaedah yang kami gunakan dalam melaksanakan temubual bersama tokoh adalah seperti berikut:-

- Melakukan pembacaan melalui pelbagai sumber seperti internet, jurnal, surat khabar, dan buku.
- Melakukan rujukan bersama pensyarah berkaitan tentang prosedur serta nasihat dalam melaksanakan kajian temubual bersama tokoh pendidikan.
- Mendapatkan keizinan dan persetujuan daripada tokoh pendidikan melalui panggilan telefon.
- Melakukan sesi pertemuan dengan tokoh iaitu sesi untuk sesi suai kenal dan sesi proses temubual secara rasmi.

4.3 Bahasa Melayu Di Negara Malaysia

Sekian lama, bahasa Melayu telah mengalami perkembangan dan kemajuan yang membanggakan, terutama dalam tahun-tahun selepas tercapainya kemerdekaan. Apa-apa rintangan yang dihadapi sekarang hendaklah dilihat sebagai masalah sementara. Bagi bahasa Melayu, yang penting ialah agar perjuangan untuk mempertahankan kedudukan serta kedaulatannya dijalankan secara berterusan, tanpa jemu-jemu. Sejarah telah membuktikan bahawa bahasa Melayu mampu berperanan dalam pelbagai situasi dan latar. Maka demikian jugalah dengan bahasa Melayu dalam zaman yang penuh cabaran ini.

Jika kita ingin mengetahui tentang asal-usul sesuatu bahasa, maka perlulah untuk kita mengetahui asal-usul bangsa yang menjadi penutur utama bahasa tersebut. Bahasa itu dikenali apabila sesuatu masyarakat penggunanya menggunakan bahasa itu dan membawa bahasanya ke mana pun ia pergi begitu juga dengan bahasa Melayu. Kita harus mengetahui susur galur asal-usul bangsa Melayu dahulu. Terdapat beberapa perkembangan yang telah dikemukakan dan beberapa kajian telah dilakukan bahawa bangsa Melayu berasal dari utara (Asia Tengah) dan ada juga yang mengatakan bangsa Melayu ini memang bermaustautin tetap di Kepulauan Melayu atau Nusantara ini.

Menurut Ismail Hussien, bahasa Melayu merupakan satu daripada lebih kurang dua ratus (200) bahasa dalam kepulauan Melayu. Bentuk bahasanya yang sederhana dan ada kemungkinan terdapat unsur asing dan sifatnya yang dapat dilentur supaya memenuhi keperluan semasa, maka bahasa Melayu menjadi sebagai satu bahasa yang terpenting dalam sejarah bahasa-bahasa di kepulauan Melayu. Menurut Kamus Besar Bahasa Melayu, bahasa bermaksud bicara, unjuran, tatatertib, sopan-santun, tingkah-laku yang baik, pertuturan atau percakapan yang baik (Zainal Abidin Safarwan, 1996).